

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(28)

Tarikh : 18 Mac 2021

KENYATAAN MEDIA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) Melancarkan Projek Naik Taraf Stesen Atas Bukit Bendera (Fasa 4)

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan sukacitanya melancarkan Projek Naik Taraf Stesen Atas Bukit Bendera (Fasa 4) pada 20 Mac 2021. Projek ini adalah salah satu kerja penambahbaikan di kawasan puncak Bukit Bendera yang melibatkan projek skala besar berjumlah RM9.3 juta dan bertujuan untuk memperluaskan kawasan menunggu dan mempertingkatkan kemudahan di Stesen Atas Bukit Bendera. Projek menaik taraf ini dijangka memberikan pengalaman yang berharga buat pengunjung.

Ketua Menteri, YAB Tuan Chow Kon Yeow, yang juga merupakan Pengerusi PBBPP memberi jaminan bahawa seni bina serta perancangan reka bentuk bagi projek Fasa 4 adalah mesra alam dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) 2016 dan RKK (Penggantian) 2020.

"Tujuan utama projek Fasa 4 adalah untuk meningkatkan keselesaan pengunjung dan menjadikan Bukit Bendera destinasi pelancongan utama pada masa hadapan. Adalah menjadi kepentingan Kerajaan Negeri bahawa projek ini perlu mencapai pengiktirafan emas bagi 'Green Building Index' (GBI). Arkitek dan perunding projek ini akan bekerjasama melaksanakan projek ini dengan menerapkan teknologi hijau dan reka bentuk lestari serta inovatif dalam pembinaan struktur bangunan dan pengurusan tapak. Ia akan dipasang dengan panel solar di atas bumbung, sistem penuaian air hujan dan peralatan penjimatan tenaga.

"Kami berhasrat untuk mengekalkan elemen hijau sedia ada seperti pokok-pokok di sekitar kawasan ini untuk mengekalkan estetika dan tarikan semula jadi kawasan puncak Bukit Bendera," kata YAB Chow ketika merasmikan upacara pecah tanah Fasa 4.

Reka bentuk bangunan juga akan lebih mesra untuk golongan berusia dan golongan kelainan upaya (OKU) kini dapat menggunakan akses yang lebih baik dan mesra pengguna ke tempat-tempat yang menarik melalui lif dan eskalator yang disediakan. Menurut Pengurus Besar PBBPP, Dato' Cheok Lay Leng, kerja-kerja menaik taraf ini akan mengambil masa kira-kira 18 bulan untuk disiapkan.

Memandangkan kerja-kerja sampingan dilakukan di kawasan yang agak kecil di puncak bukit ketika kawasan sekitar masih menjalankan operasi dan aktiviti harian seperti biasa, kaunter tiket di Stesen Atas dan kawasan menunggu sedia ada akan dipindahkan buat sementara waktu. Sama seperti di Stesen Bawah, sistem pengurusan 'smart queue' (JustQ 2.0) yang dibangunkan secara dalaman akan dilaksanakan di Stesen Atas yang dapat memberikan pengalaman menaiki funikular yang lebih selesa. Mereka hanya perlu sampai ke stesen sebaik sahaja nombor giliran mereka dipanggil. Pengunjung boleh mendapatkan

nombor giliran melalui kaunter tiket dan jadual waktu daripada panel paparan atau kod QR yang disediakan di kemudahan awam utama di atas bukit.

Walaupun ini adalah projek skala besar dan terdapat kekangan yang disebabkan oleh cabaran di kawasan puncak, PBBPP akan berusaha sebaik mungkin untuk mengurangkan kesulitan kepada penduduk dan pengunjung di atas bukit. Oleh itu, PBBPP ingin memohon kerjasama semua pengunjung dan rakan niaga sepanjang tempoh ini. Dalam usaha melancarkan proses keseluruhan kerja menaik taraf di Stesen Atas, kami akan memberikan maklumat terkini secara berkala di semua platform media sosial rasmi dan di laman web PBBPP. PBBPP percaya bahawa hasil projek ini akan mengatasi kesulitan sementara yang dihadapi," kata Dato' Cheok.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 211 atau e-mel kepada cheryl.cheah@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah

Ahmad Aizat Bin Khalid

Lee Shew Yean

Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

Tel: 04-828 8880

Tel: 04-828 8880

cheryl.cheah@penanghill.gov.my

aizat@penanghill.gov.my

sylee@penanghill.gov.my